

MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10 MALAM HARI INI)

1980
KUALA LUMPUR, 20 JAN (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGGESA PARA AHLI PERINDUSTRIAN INDIA MENEBUS DAN MEMELIHARA IMEJ MEREKA DENGAN +MENYELAMATKAN+ INDUSTRI-INDUSTRI USAHASAMA MALAYSIA-INDIA YANG SEDANG MENUJU KEGAGALAN.

BELIAU MENEGASKAN PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN BURUK DIALAMI OLEH BEBERAPA USAHASAMA INDIA YANG MENDAPAT PUBLISITI BESAR DI MALAYSIA NAMPAKNYA TELAH MENYEBABKAN PIHAK-PIHAK DI MALAYSIA ENGGAN MENJADI RAKAN DALAM PROJEK-PROJEK YANG DITAJA OLEH INDIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP DI JAMUAN MERAIKAN BELIAU DI NEW DELHI OLEH PERSEKUTUAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN INDIA. TEKS UCAPANNYA DIKELUARKAN DI SINI.

BELIAU BERKATA DARI APA YANG DILIHATNYA TENTANG PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DALAM EKONOMI INDIA DAN KEMAJUAN-KEMAJUAN TEKNOLOGI YANG DICAPAI DALAM BEBERAPA BIDANG OLEH PARA AHLI PERINDUSTRIAN INDIA. BELIAU YAKIN KEGAGALAN-KEGAGALAN DALAM USAHASAMA INDIA-MALAYSIA DI MASA YANG LAMPAU BOLEH DIATASI.

—BERSAMBUNG 1750/MD

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, JIKA SETENGAH-SETENGAH DARI KELEMAHAN DALAM USAHASAMA INDIA ITU DAPAT DIATASI DAN JIKA PIHAK RAKAN DARI INDIA DAPAT MENYEDIAKAN PENGURUSAN BERMUTU, +SAYA YAKIN SETENGAH-SETENGAH DARI PENGALAMAN PAHIT YANG DIALAMI OLEH MALAYSIA DENGAN RAKAN-RAKAN USAHASAMA INDIA DAPAT DIELAKKAN+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TERDAPAT BANYAK LAGI USAHASAMA MELIBATKAN PELABURAN INDIA DI MALAYSIA YANG SANGAT BERJAYA.

+JADI, NAMPAKNYA ADALAH PENTING DAN PERLU UNTUK MENEBUS DAN MEMELIHARA IMEJ INDUSTRI-INDUSTRI INDIA DI MALAYSIA+, KATANYA.

+SEBAGAI PERMULAAN, USAHA USAHASAMA YANG SEDANG MENUJU KEGAGALAN HENDAKLAH DISELAMATKAN. MUNGKIN PIHAK PERSEKUTUAN INGIN MELIBAT INI SEBAGAI TUGAS TERPENTING BAGI PARA AHLINYA, JIKA TIDAK PUN MENJADI CABARAN KEPADA SEKTOR INDUSTRI DI INDIA AMNYA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI BAHAWA MALAYSIA MENGAKUI AKAN KEKUATAN INDIA DI BIDANG PERINDUSTRIAN YANG MENEMPATKAN INDIA SETARAF DENGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN TERMAJU. —BERSAMBUNG 1755/MD

B554
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+KAMI DI MALAYSIA MERASAKAN BAHAWA KEUPAYAAN INDIA DI BIDANG PERINDUSTRIAN DAN POTENSI PERINDUSTRIAN MALAYSIA BOLEH DIGABUNGAN MENJADI PROJEK-PROJEK YANG MEMEWA FAEDAH BERSAMA+, KATANYA.

SEBELUM ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGINGATKAN PARA PELABUR YANG INGIN MENJUAL BARANGAN KILANG KEPADA RAKYAT MALAYSIA DENGAN MENEKANKAN BAHAWA PARA PENGGUNA MALAYSIA MEMENTINGKAN CAP DAN SELAMA INI MEMPUNYAI PILIHAN YANG LUAS ANTARA BARANGAN BUATAN TEMPATAN DAN YANG DIIMPORT.

KATANYA, BARANGAN BUATAN TEMPATAN YANG TIDAK DIKETAHUI UMUM SUDAH PASTI AKAN MENERIMA TENTANGAN DARI PENGGUNA SEPERTI YANG AKAN DIHADAPI OLEH SEBUAH USAHASAMA INDIA YANG MEMULAKAN PERNIAGAANNYA DI MALAYSIA.

+ADA SETENGAH PIHAK BERSUNGUT KONONNYA KERAJAAN MALAYSIA YANG HARUS DIPERSALAHKAN KERANA KAMI TIDAK MELINDUNGI INDUSTRI TEMPATAN SECUKUPNYA, TETAPI KAMI MENOLAK ALASAN INI+, KATANYA.

+SEKIRANYA BEGITULAH KEADAANNYA, KITA AKAN MENDAPATI SEMUA SYARIKAT DALAM SESEBUAH INDUSTRI TERTENTU AKAN GAGAL, TETAPI INI TIDAK BERLAKU+. —BERSAMBUNG 1800/MD

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, +PERLINDUNGAN TARIFF YANG KAMI TAWARKAN TIDAK BEGITU TINGGI DAN TIDAK PULA TERSANGAT RENDAH, PENDEK KATA KAMI MEMBERI ANDA PERLINDUNGAN SECUKUPNYA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU MEREKA TENTANG PELUANG-PELUANG PELABURAN DI MALAYSIA, GARIS-GARIS PANDUAN KERAJAAN MENGENAI PELABURAN ASING, DAN AZAM MALAYSIA UNTUK MENJADIKAN TAHUN 80AN DEKAD UNTUK INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN SUMBER UTAMA.

SETAKAT NOVEMBER LALU, 66 PROJEK USAHASAMA MELIBATKAN MODAL DARI INDIA TELAH DILULUSKAN DI MALAYSIA. DARI JUMLAH INI 37 PROJEK SEDANG BERGERAK MELIBATKAN PELABURAN INDIA BERJUMLAH \$70 JUTA. —BERNAMA 1802/MD